

# KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

## **BANK MUAMALAT LANCAR AKAUN BERJANGKA TETAP SIJIL SIMPANAN ISLAMIK (SSi), TAWAR HADIAH LEBIH HEBAT**

*Pelanggan kini berpeluang menjadi Jutawan dengan meningkatkan simpanan dan  
memenangi hadiah menarik berjumlah lebih daripada RM3.0 juta*

**KUALA LUMPUR, [8 Ogos 2023]:** Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) hari ini memperkenalkan Sijil Simpanan Islamik (SSi), sebuah produk terbaharu di bawah Akaun Berjangka Tetap-i berkonsepkan Tawarruq yang ditambah baik dan bertujuan untuk menggalakkan orang ramai untuk menyimpan dan pada masa yang sama memberi ganjaran kepada pelanggan.

Produk ini menawarkan pelbagai hadiah menarik yang berjumlah lebih daripada RM3.0 juta dengan memberi dua (2) kali peluang untuk pelanggan memenangi RM1 juta pada bulan November 2023 dan Februari 2024. Sijil Simpanan Islamik (SSi) turut memperkenalkan satu cabutan tambahan buat para pelanggan yang layak, untuk berpeluang menjadi Jutawan SSi serta memenangi hadiah lumayan dalam sembilan (9) kategori lain iaitu cabutan *Superb 'Million'*, *Superb 'Bergaya'*, *Superb 'Travel'*, *Superb 'Salary'*, *Superb 'Newgen'*, *Superb 'Pensioner'*, *Superb 'Cash100k'*, *Superb State'*, dan *Superb 'Cash1000'*.

Sijil Simpanan Islamik (SSi) terbuka untuk semua pelanggan baharu atau sedia ada yang berusia 12 tahun dan ke atas. Selain itu, bagi memastikan kepuasan pengalaman pelanggan, Bank Muamalat komited untuk memudahkan proses pendaftaran bagi penyertaan produk ini. Kini, orang ramai boleh melanggan Sijil Simpanan Islamik (SSi) dengan membuka akaun SSi melalui pelbagai saluran seperti Platform Aplikasi Muamalat (MAP), Perbankan Internet Runcit i-Muamalat (RIB), atau dengan mengunjungi mana-mana cawangan Bank Muamalat yang berhampiran.

Bagi pelanggan sedia ada, Bank Muamalat masih meneruskan kempen Super Saver 2023 pada tahun ini yang bermula dari 1 Mac 2023 sehingga 29 Februari 2024 untuk Akaun Simpanan-i Tawarruq dan Akaun Pelaburan Tidak Terhad Mudarabah

(SURIA). Namun, produk Sijil Simpanan Islamik (SSi) yang diperkenalkan merupakan kempen utama, memberikan pelanggan akses kepada ciri-ciri dan faedah yang baharu, termasuk peluang memenangi 754 hadiah, dengan hadiah utama berupa wang tunai RM1 juta, kereta mewah (Mercedes C200 dan Mercedes A200), baucar perjalanan, iPad, dan hadiah tunai yang lain.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Khairul Kamarudin, berkata, "Bank Muamalat komited dalam menjamin masa depan kewangan yang sejahtera untuk pelanggan yang dihargai. Hari ini, kami teruja untuk memperkenalkan Sijil Simpanan Islamik (SSi) yang menyediakan penyelesaian simpanan inovatif, patuh Syariah, menggabungkan kadar keuntungan yang lebih menarik dan pilihan tempoh yang fleksibel. Misi kami adalah jelas, untuk memperkasa setiap individu dalam memperkukuh simpanan serta memastikan kewangan yang berdaya tahan dan, akhirnya, mencipta "Kehidupan lebih baik, bersama."

Untuk maklumat lanjut mengenai Sijil Simpanan Islamik (SSi), sila layari [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan Bank Muamalat di talian 03-2600 5500, atau kunjungi cawangan Bank Muamalat yang berhampiran.

**TAMAT**

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

**Syahida Azureen** | [syahida.azureen@muamalat.com.my](mailto:syahida.azureen@muamalat.com.my) | +6012 242 3696

**Mohd Nazrul Hafizi** | [mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my](mailto:mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my) | +6017 921 1384

#### **Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat):**

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.